

Pelajar risau nasib keluarga di Sabah

BATU PAHAT - "Kalau boleh, saya nak balik sekarang juga, saya risaukan keadaan keluarga di sana," kata seorang pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), anak kelahiran Sabah, Izra Sofia Amiruddin, 22.

Menurutnya, walaupun jarak kediaman keluarganya di Tawau jauh dari kawa-

san kejadian pencerobohan tentera Diraja Sulu di Lahad Datu, namun dia tetap berasa bimbang.

Sementara itu, bagi Saparuddin Sere, 22, dia mengharapkan pasukan keselamatan negara iaitu ATM dan PDRM dapat mengatasi masalah tersebut secepat mungkin.

"Kebimbangan terhadap

keluarga di sana tetap ada walaupun saya yakin dengan kecekapan pasukan keselamatan negara yang berjuang di perbatasan," katanya.

Seorang lagi anak kelahiran Sabah, Hisyamuddin Tahir, 22, berkata, dia akan pulang ke Sabah apabila cuti kelak kerana tidak sabar untuk melihat kampung halamannya.